

01/12/1998

Tilawah al-Quran Antarabangsa bermula

KUALA LUMPUR, Isnin - Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa Ke-40 yang akan dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Ja'afar di sini, malam esok membabitkan penyertaan paling ramai.

Seramai 42 qari dan qariah dari 27 negara akan mengambil bahagian. Setakat ini, 26 qari dan 16 qariah dari seluruh dunia sudah mengesahkan penyertaan ke tilawah itu yang bertema Kesejahteraan Negara Tanggungjawab Kita.

Malaysia akan diwakili qari Saleh Saidi manakala qariah Sepiah Mohamad.

Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Dr Abdul Hamid Zainal Abidin, berkata tilawah tahun ini meneruskan tradisi menanam bibit perpaduan antara umat Islam serta keyakinan terhadap kesejahteraan sejagat.

"Kita bersyukur walaupun dalam kegawatan ekonomi sekarang, kita masih mampu menganjurkan tilawah walaupun terpaksa berjimat cermat," katanya pada sidang akhbar di sini, hari ini.

Seramai 42 peserta mengambil bahagian.

Beliau berkata, Tuanku Ja'afar dan Permaisuri Agong, Tuanku Najihah berkenaan merasmikan serta menutup majlis tilawah tahun ini. Majlis perasmian akan turut dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Berikut ialah senarai negara dan peserta yang akan menyertai Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa Kali-Ke 40, esok:

Libya (Abubaker Rahuma Mohamed Mansur), India (Hafiz Qari Mohammed Naseeruddin), Iran (Mohamad Gandom Nejad Toosi), Mesir (Hesham Bayoumy Abdel Monsen Khaled), Uzbekistan (Abovsiddinov Muso) dan Bangladesh (A K M Feroz/Hafiza Nazma Anwari Rashid Shah).

Brunei Darussalam (Mudim Metasim Metussin/Dayang Maidah Abdul Rahman), Kemboja (Soufyyan Toyer/Hafsah Abdulghany), Sri Lanka (Abdul Haleem Abdul Razzak/M I W Badrunnisa) dan Oman (Hamoud Abdullah Hamoud Al-Musharafy).

Nigeria (Jamilu Muhammad Sadiu/Rahmatu Lawal), China (Mansu'er Kari/Ma Peiying), Saudi Arabia (Othman Abdul Rahman Al-Suwaidan), Indonesia (Achmad Muda'i Bakri/Nurhayati Thahir), Kuwait (Ahmad Khouder Al-Tarabulsi) dan Filipina (Abdul Latip M Daud/Sitie Imam Noor).

Vietnam (Mouhammath Solet/Phay Jah), Thailand (Chatchai Banba/Yamilah Binma), Bosnia-Herzegovina (Suad Sahinovic/Alma Sahinovic), Singapura (Mohd Rizal Hussin/Zubaidah Mohd Jahir), Sudan (Abdulla Musa Mohamed) dan Pakistan (Aisha Parveen).

Russia (Safin Rustam Raisovitch), Jordan (Maher Mahmoud Ahmed Alarabi), Emiriyah Arab Bersatu (Hisham El-Sayed Ahmed Mohd Al-Ahdali) dan Iraq (Abdul Baqi Daham Hussein Al-Anni).

(END)